

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 28 JUN 2016 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Fenomena garis badai serta awan bergulung	Utusan Malaysia
2.	Awan pelik gemparkan penduduk Sabah	Kosmo
3.	Penduduk gempar gumpalan awan bentuk ombak besar	Berita Harian
4.	Garisan badai belah langit	Harian Metro
5.	Terrifying cloud formations nothing to fear, says expert	The Star
6.	Pengesah Kandungan Herba	Harian Metro
7.	Prince Andrew visits Petrosains	New Straits Times

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 13
TARIKH: 28 JUN 2016 (SELASA)

Fenomena garis badai serta awan bergulung

KUALA LUMPUR 27 Jun - Penggunaan media sosial hari ini dikejutkan dengan beberapa keping gambar awan ganjil yang dikatakan berbentuk seakan-akan tsunami di sekitar Beaufort, Sabah awal pagi ini.

Gambar tersebut yang menjadi viral di Facebook mengundang pelbagai tanda tanya dalam kalangan pengguna internet.

Bagi menjawab persoalan mengenai awan aneh tersebut, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Madius Tangau menjelaskan, kejadian bentuk awan luar biasa di kawasan pantai barat Sabah itu disebabkan fenomena cuaca yang dinamakan garis badai beserta kejadian awan bergulung.

Katanya, awan jenis bergulung tidak berbahaya berbanding garis badai yang sebelum ini pernah berlaku di Kota Kinabalu pada Ogos 2012, Sungai Petani (2014) dan di Kota Bharu pada Ogos 2015.

"Garis badai merupakan sekumpulan barisan awan ribut petir yang bergerak dari arah laut ke daratan dan selalunya berlaku ketika Monsun Barat Daya iaitu dari Jun hingga September di kawasan pantai barat Sabah dan juga di Selat Melaka.

"Panjang garis badai boleh mencapai ratusan kilometer dan mempunyai tempoh hayat yang agak lama iaitu beberapa jam berbanding ribut petir biasa," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurut Madius, garis badai boleh menghasilkan angin kencang melebihi 32 kilometer sejam

SEBAHAGIAN
murid Sekolah
Kebangsaan Padas
Damit menyaksikan
fenomena yang
dipanggil garisan
badai kerana angin
kencang dan awan
bergerak laju di
Beaufort, Sabah,
semalam ini.
- UTUSAN/FADZLIE
SUNI



dan hujan lebat, sementara awan jenis bergulung terbentuk disebabkan oleh angin menegak.

"Susulan pembentukan garis badai di pesisir pantai di pantai barat Sabah dan Labuan pada sebelah malam dan bergerak ke

daratan pada awal pagi, Jabatan Metereologi telah mengeluarkan amaran ribut petir untuk pantai barat Sabah dan Labuan.

"Amaran cuaca buruk untuk penerbangan pada awal pagi ini juga telah dikeluarkan," jelasnya.

KERATAN AKHBAR
KOSMO (NEGARA) MUKA SURAT 3
TARIKH: 28 JUN 2016 (SELASA)



MURID-MURID Sekolah Kebangsaan Menunggang, Kuala Penyu, Sabah terpukau melihat gumpalan awan pelik semalam.



GUMPALAN awan seakan mencecah bumi menggemparkan penduduk daerah Beaufort semalam.

Penduduk terkejut lihat awan bergulung selama dua jam

Awan pelik gemparkan penduduk Sabah

Oleh MUSTAPA LAKAWA

KOTA KINABALU – Penduduk di sekitar daerah Beaufort dan Kuala Penyu dekat sini gempar dengan kemunculan awan pelik yang bergulung awal pagi semalam.

Kemunculan awan pelik itu berlaku selama dua jam bermula pukul 7 pagi sehingga mencetuskan panik dan tanda tanya dalam kalangan penduduk.

Gambar awan tersebut turut tersebar di media-media sosial sehingga mencetuskan perdebatan.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau berkata, kejadian bentuk awan luar biasa di kawasan pantai barat Sabah pada awal pagi semalam adalah disebabkan oleh fenomena cuaca yang dinamakan garis badai berserta kejadian awan bergulung.

Menurutnya, awan jenis bergulung tidak berbahaya berbanding garis badai dan ia pernah berlaku di Kota

Kinabalu pada Ogos 2012, di Sungai Petani, Kedah pada 2014 dan di Kota Bharu, Kelantan pada Ogos tahun lalu.

“Garis badai merupakan sekumpulan barisan awan ribut petir yang bergerak dari arah laut ke daratan dan selalunya berlaku ketika Monsun Barat Daya iaitu dari Jun hingga September di kawasan pantai barat Sabah dan di Selat Melaka,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau menjelaskan, panjang garis badai boleh mencapai ratusan kilometer dan mempunyai tempoh hayat agak lama iaitu beberapa jam berbanding ribut petir biasa.

“Garis badai boleh menghasilkan angin kencang melebihi 32 kilometer sejam dan hujan lebat yang meluas sementara awan bergulung terbentuk disebabkan oleh ricihan angin menegak iaitu terdapat perbezaan ketara kelajuan dan arah angin,” jelasnya.

Dalam pada itu, Pengarah Jabatan

Fenomena awan ganjil di Kota Bharu



KERATAN Kosmo! 23 Ogos 2015.

Meteorologi Sabah, Azmi Daud ketika dihubungi berkata, fenomena awan pelik itu tidak mengakibatkan kerosakan harta awam.

Berdasarkan tinjauan, ramai pengguna media sosial melahirkan rasa teruja apabila dapat melihat sendiri kemunculan awan pelik di daerah mereka.

Seorang daripada mereka, Mohamad Damit berkata, ia adalah bukti kekuasaan Allah dan sebagai peringatan kepada semua umat Islam.

Difahamkan, fenomena tersebut pernah berlaku di negeri ini empat tahun lalu terutama di daerah-daerah yang terletak di pesisir laut.



Gambar formasi gumpalan awan luar biasa di Kota Kinabalu dikongsi secara meluas di laman sosial.



Info

Fenomena garis badai

→ Garisan ribut petir yang bergerak, panjang boleh capai 100km dan bertahan beberapa jam.
→ Di Malaysia Timur, ia biasa terbentuk di luar pesisir pantai pada waktu malam, ke daratan pada waktu pagi.

→ Kerap berlaku menjelang subuh dan awal pagi, paling kerap April-November
→ Kadang kala boleh terbentuk pada waktu petang, bergerak ke daratan seiring angin lazim.

Penduduk gempar gumpalan awan bentuk ombak besar

→ Fenomena dikenali 'garis badai' akibat tiupan angin dari arah laut

Oleh Mohd Izham Unnip
Abdullah dan Mohd
Nazllie Zainul
bhnews@bh.com.my

► Kota Kinabalu

Formasi awan luar biasa kelihatan seperti ombak besar dan puting beliung di beberapa daerah di pantai barat Sabah terbentuk antara jam 7.30 hingga 8 pagi semalam ketika keadaan gerimis yang disusuli hujan lebat.

Penduduk Kampung Lumat, Sitti Sahrah Mohd Desa, 32, berkata beliau menyedari fenomena itu ketika dalam perjalanan ke tempat kerja di pekan Beaufort pada jam 7.40 pagi dan takut apabila melihat bentuk gumpalan awan terbabit.

"Ini kali pertama saya melihat keadaan awan seperti itu ketika cuaca mendung, sedikit berangin dan gerimis. Selepas hujan tidak lama kemudian, keadaan awan kembali seperti biasa," katanya kepada BH.

Guru Besar Sekolah Kebangsaan

(SK) Padas Damit, Marif Yusof, berkata warga sekolahnya yang sedang mengadakan perhimpunan mingguan di padang, terkejut melihat kepulan awan luar biasa itu dan tidak lama kemudian, hujan gerimis melanda disertai angin kuat.

Henti perhimpunan

"Kami terpaksa menghentikan perhimpunan kerana cuaca ketika itu agak membimbangkan. Tidak lama selepas itu, turun hujan lebat selama kira-kira dua jam sebelum

keadaan kembali seperti biasa," katanya.

Gambar formasi gumpalan awan luar biasa itu dikongsi secara meluas di laman sosial, khususnya Facebook, Twitter dan aplikasi WhatsApp.

Pengarah Jabatan Meteorologi Sabah, Azmi Daud, ketika dihubungi, berkata fenomena awan itu dikenali sebagai 'garis badai', terbentuk akibat tiupan angin dari arah laut yang menyebabkan awan kelihatan bergulung-gulung seperti ombak.

Garisan badai belah langit

■ Kemunculan awan berbentuk luar biasa jadi viral



BEBERAPA gambar awan ribut dikenali Garisan Badai yang muncul di Beaufort, pagi semalam.

Mohd Ruzaini Zulkepli
hmkk@hmetro.com.my

Beaufort

Kemunculan awan ribut berbentuk ombak gergasi mengejutkan penduduk sekitar pantai barat negeri ini, selain pada masa sama turut memuji kebesaran ilahi.

Pelbagai bentuk awan pelik mula menjadi viral di laman sosial sejak awal pagi semalam, sejurus selepas hujan lebat melanda sekitar

daerah ini. Papar dan Si-pitang, selain Kota Kinabalu pagi semalam.

Penduduk, Osman Jufri, 28, terkejut sebaik keluar dari rumahnya pada jam 7 pagi untuk ke tempat kerja apabila mendapati ada gumpalan awan besar berbentuk luar biasa.

"Ini kali pertama saya melihat awan besar berbentuk ganjil dan menakutkan. Tambahan pula, hujan lebat berserta angin kencang turut melanda kawasan ini awal pagi tadi (semalam)," katanya.

Osman berkata, walau-

pun bentuk awan itu kelihatan menakutkan, tetapi secara tidak langsung membuktikan kebesaran Allah SWT yang menciptanya.

"Ini mungkin satu daripada kebesaran Allah SWT yang dizahirkan pada Ramadan. Sebagai umat Islam, kita perlu bersyukur dan mengambil iktibar kejadian ini.

"Awan ini kemudian kelihatan beransur hilang

menjelang tengah hari," katanya.

Katanya, tidak lama selepas itu, fenomena berkenaan mula menjadi viral di laman sosial.

FAKTA
Kemunculan awan ribut berbentuk ombak adalah fenomena biasa dipanggil Garisan Badai

Timbalan Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (JNM) Sabah Lim Ze Hui berkata, pembentukan awan itu adalah perkara biasa kesan Monsun Barat Daya.

"Fenomena ini digelar

Garisan Badai yang dikenal pasti membawa bersama angin kencang dan hujan lebat. Kemunculan awan seakan ombak ini hanya sementara dan akan menjadi lemah sebelum hilang dengan sendirinya," katanya.

Beliau berkata, fenomena yang berlaku di Beaufort dan sekitar pantai barat negeri adalah perkara biasa susulan tiupan angin Monsun Barat Daya.

"Garisan Badai ini membawa bersama angin kencang, hujan lebat dan ada kalanya ribut sebelum ber-

tukar lemah atau hilang. Orang ramai dinasihatkan tidak menyebarkan spekulasi atau khabar angin yang mampu mencetuskan panik berhubung kejadian alam ini," katanya.

Menurut Lim, rakyat negeri ini perlu berhenti menyebarkan perkara tidak sah atau bukan kenyataan rasmi pihak berkuasa.

"Orang ramai boleh merujuk laman web JNM untuk mendapatkan sebarang pengesahan atau maklumat lanjut mengenai perubahan cuaca dari semasa ke semasa," katanya.

Terrifying cloud formations nothing to fear, says expert

KOTA KINABALU: Threatening cloud formations in south-western Beaufort have created a stir among the people as pictures and videos go viral on social media.

To allay the concern of people in Beaufort and the surrounding areas, meteorologist Lim Ze Hui has stepped in to explain that the cloud formations were squall lines that came about as a result of several thunderstorms banding together in a line.

A "squall line" usually forms between a cold front and a warm front, the acting Meteorological Department director explained, saying that there is no need for any panic or worry over the weather condition.

Since early yesterday, heavy rains and thunderstorms had hit Beaufort and the south-western area, northern Kudat district, Kota Kinabalu and Labuan before tailing off by noon.

According to Lim, the weather condition is due to the current south-west monsoon and has nothing to do with a tropical storm over the South China Sea off the northern Philippines.

"There is nothing to fear," he assured the public.

In a statement, Science, Technology and Innovation Minister Datuk Seri Madius Tangau said the extraordinary formation was harmless.

"This happened before in Kota Kinabalu in 2012, Sungai Petani in 2014 and in Kota Baru last year," he said, adding that the phenomenon, known as "squall lines", happened along with rolling clouds.

"The length of the squall line can



go on for several kilometres with a relatively long life span when compared to the usual thunderstorm," he added.

A squall line can result in strong winds of over 32kph and protracted heavy rain.

Due to this, the Meteorological Department has issued a warning on possible thunderstorms on the west coast of Sabah and Labuan and bad weather conditions for aviation.

Beaufort OCPD Deputy Supt Azmir Abd Razak said the downpour at about 8am lasted less than two hours and did not result in flash floods or unwanted incidents.



Ominous, but beautiful:
The extraordinary cumulonimbus clouds seen forming above Beaufort town and Sekolah Kebangsaan Padas Damit (above, left).

PENGESAH KANDUNGAN HERBA

Kod bar DNA boleh kesan
pencemaran produk melalui
pengesanan spesies

INOVASI

Nor Hanisah Kamaruzaman
rencana@hmetro.com.my

Sejajar dengan peningkatan pasaran dan industri herba, masalah pencemaran produk itu makin meningkat dari semasa ke semasa.

Pencemaran produk herba boleh berlaku disebabkan kesalahan pengeluar mengenal pasti spesies atau digantikan dengan herba murah atau ubat sintetik.

Ini menyebabkan formulasi produk menjadi kurang berkualiti, malah lebih teruk lagi membahayakan kesihatan pengguna.

Menyedari masalah ini, kumpulan penyelidik daripada Makmal Genetik di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) kini sedang menyempurnakan kajian kod bar DNA yang memudahkan pengesanan spesies tumbuhan herba di negara ini.

Kumpulan penyelidik dianggotai Dr Lee Soon Leong, Dr Lee Chai Ting, Dr Kevin Ng Kit Siong, Dr Ng Chin Hong, Dr Ling Sui Kiong, Tan Ai Lee dan Nurul Farhanah Zakaria itu diketui Dr Tnah Lee Hong sudah memulakan penyelidikan sejak Januari tahun lalu.

Teknik kod bar DNA menawarkan alternatif mengesan pencemaran produk herba dengan mengesahkan kualiti produk melalui pengesanan spesies.

Dr Tnah berkata, teknik berkenaan berdasarkan penggunaan beberapa jujukan DNA yang pendek dalam genom tumbuhan yang mempunyai variasi secukupnya untuk membezakan satu spesies

dengan yang lain.

"Setiap tumbuhan ada ciri dan DNA unik seperti cap jari manusia yang dapat membezakan setiap orang dengan yang lain.

"Dengan mengumpul data dan kod bar DNA daripada tumbuhan herba berkenaan, proses mengenal pasti kandungan herba dalam ubatan menjadi lebih mudah dan tepat.

"Ini bukan saja dapat membantu sesuatu produk memperkenalkan isi kandungannya, malah dapat membuat pengesanan jika ubatan itu mempunyai herba seperti dinyatakan," katanya.

Katanya, kaedah pengesanan spesies tumbuhan herba sangat diperlukan di Malaysia.

"Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK) menggunakan sistem pengesanan pencemaran produk herba berasaskan kaedah kimia seperti penyaringan steroid, antihistamin, anridiabetik dan sebagainya.

"Pengesahan berdasarkan kod bar DNA bakal menjadi alternatif bagi melengkapi kaedah kimia sedia ada," katanya.

Schingga kini, 100 spesies tumbuhan herba sudah mendapat kod bar DNA dan disimpan dalam pangkalan data rujukan. Jumlah itu bakal bertambah sehingga tamat penyelidikan pada Disember tahun ini.

Antara spesies tumbuhan herba yang dikenal pasti ialah tongkat ali, mas cotek, hempedu bumi, mata pelanduk, belalai gajah, misai kucing, sirih, pecah beling dan patawali.

Hasil penyelidikan yang mendapat geran daripada Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu bakal dipatenkan.



1. DR Tnah

2. PENYELIDIKAN dijalankan di seluruh negara.

3. TONGKAT ali

4. MISAI kucing

5. PATAWALI

6. HEMPEDU bumi


7. MAS cotek

8. SIRIH

9. BELALAI gajah

10. PECAH beling

11. MATA pelanduk



Prince Andrew visits Petrosains

KUALA LUMPUR: The Duke of York Prince Andrew met the science and research community involved in the Newton-Ungku Omar Fund at the Petrosains Centre in Suria KLCC here yesterday.

The fund, a collaboration between the British and Malaysian governments, promotes Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) subjects.

Prince Andrew was briefed on the progress of the fund as well as the role played by Petronas and Petrosains to instil interest in STEM subjects in students.



Duke of York Prince Andrew (third from left) touring Petrosains Centre yesterday. With him are representatives of the Newton-Ungku Omar Fund. Pic by Aizuddin Saad

The meeting was attended by representatives of the Malaysian Industry-Government Group for High Technology (Might) and the British High Commission.

Prince Andrew toured Petrosains with the funding partners of Newton-Ungku Omar Fund, namely, Might, Academy of Sciences Malaysia, Platcom Ventures Sdn

Bhd, Malaysian Innovation Agency and British Council Malaysia.

He later presented prizes to the winners of the Dengue Tech Challenge 2016, a competition aimed at promoting collaborative projects between experts from both countries on commercialisation of dengue-related research and products in Malaysia.